



UiTM@Media **2016**



Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Belakang rumah jadi bengkel ukir piuter

» *Tekad mula perniagaan timbul selepas 5 tahun bekerja*

Oleh Errah Amran
bhnews@bh.com.my

► **Bukit Mertajam**

Suasana bengkel yang panas berbahang dengan bunyi ce-cair timah sedang menggelegak, sudah menjadi kebiasaan buat pengusaha barangan piuter, Mohamad Zamri Ismail.

Setiap hari, anak jati Pulau Pinang berusia 50 tahun itu lincah menyiapkan tempahan yang diterima di bengkelnya yang terletak di belakang rumah dekat Kampung Sekolah Juru di sini.

Mengimbas pembabitannya dalam bidang ukiran dan kraftangan piuter, bapa kepada empat anak ini mengakui kerjanya tidak semudah disangka, namun minat mendalam mendorongnya membangunkan syarikat produk terbabit iaitu Gadengmas Pewter.

"Saya pernah bertugas sebagai pereka bentuk di sebuah syarikat yang menghasilkan cenderamata berasaskan piuter di sini, namun keinginan memiliki perniagaan sendiri timbul selepas lima tahun bekerja.

"Berebalkan pengalaman yang ada, saya meletak jawatan dan memberanikan diri belajar cara untuk memasak timah serta sukatan yang diperlukan untuk menghasilkan produk piuter berkualiti.

"Kekuatan saya hanyalah dalam aspek mereka bentuk. Namun saya tekadkan semangat dan belajar daripada rakan-rakan yang tidak lokek ilmu memberi panduan dan bimbingan," katanya yang berkecimpung dalam penghasilan piuter itu sejak 10 tahun lalu.

Proses rumit

Mohamad Zamri berkata, beliau banyak mencuba-cuba menerusi lakaran bagi menghasilkan produk dan cenderamata piuter yang lebih unik dan bermutu tinggi.

"Lakaran piuter bukannya mudah kerana banyak proses rumit perlu disiapkan bermula daripada kerja ukiran sehinggalah proses 'memasak'.

"Sebanyak 97 peratus serbuk timah yang dibeli secara pukal akan dicampur tembaga dan kuprum sebelum dicairkan dan dituang ke dalam acuan besi.

"Proses ini mesti dilakukan dengan berhati-hati bagi memastikan timah tidak keras dengan pantas selain mengelakkan kecuaihan yang boleh mengakibatkan kemalangan," katanya.

Beliau berkata, lakaran yang dibuat perlu terperinci misalnya cen-

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

deramata yang berasaskan mercu tanda tertentu seperti KLCC, bilangan tingkat perlu tepat supaya tidak mengelirukan pelanggan.

“Begitu juga dengan ukiran masjid, bangunan dan monumen lain yang perlu diperincikan supaya kelihatan sama seperti bangunan sebenar,” katanya.

Beliau berkata, antara tempahan cenderamata piuter yang diterima setakat ini merangkumi rantai kunci, plak dan trofi yang bermula dari harga RM7 seunit hingga mencecah RM35,000.

Bekas graduan jurusan Reka Seni Institut Teknologi Mara (ITM) ini kini giat memperkenalkan rekaan terbaharunya iaitu piuter warna dan bercorak batik yang mula mendapat tempat di kalangan penggemar kraftangan itu.

“Tahun lalu, saya berpeluang menyertai Minggu Budaya Malaysia di Place du Palais Royal, Perancis. Rantai kunci dan plak piuter bermotifkan batik mendapat sambutan menggalakkan. Saya yakin, ia mampu dikomersialkan sekiranya ada ruang dan peluang nanti.

“Saya amat berharap perusahaan ini dapat dikembangkan dan berterima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia kerana banyak menyokong saya sepanjang berkecimpung dalam bidang ini,” katanya.



Mohamad Zamri **menunjukkan cara menggunakan mesin melukis corak** di atas bahan 'sculpy' untuk dijadikan acuan.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

